



MOHAMED NAIM DAIPI

Nizqin, Hasnady Abdullah, Eyzat Amir, Muhd Nazali dll

Dilahirkan di Minto Road, Singapura pada 27 Jun 1950. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kota Raja dan Sekolah Menengah Tun Seri Lanang. Kemudian, mengikuti kursus pendidikan di maktab Perguruan Singapura (TTC) pada tahun 1967-1970 sehingga menerima Sijil Pelajaran dan Sijil Pelajaran Lanjutan (di Institut Pendidikan Singapura) pada 1988-1990.

Beliau pernah bertugas sebagai guru, Penulis Khas di Institut Perkembangan Kurikulum Singapura, Ketua Jabatan bahasa Ibunda, Guru Kanan dan kini, Guru Pakar. Selain itu, beliau juga pernah menjadi pensyarah sambilan di Institut Pendidikan Singapura dan di Bahagian Perlatihan Guru (MOE).

Mohd Naim mula menulis dalam tahun 1975. Beliau menulis sajak, cerpen, esei bahasa, kesusasteraan dan pendidikan, kritikan, novel dan novel kanak-kanak. Antara buku yang pernah diterbitkan ialah novel Tumpas, kumpulan cerpen Getar-getar Senja (bersama Peter Augustine Goh) 6 buah novel kanak-kanak (bersama Mohd Latiff Mohd), serta beberapa buah buku bahasa.

Beliau pernah bergiat di Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dengan mengendalikan Bulan Bahasa dan Anugerah Persuratan sejak 1988 sehingga 2001, Kelab Masyarakat Tampines West, Angkatan Sasterawan Lima Puluh, Badan Kesenian Melayu, Mesra dan lain-lain.

Beliau pernah memenangi beberapa Hadiah Sastera dan Hadiah Penghargaan. Antaranya ialah novel Tumpas (1977/78), esei Sastera Berunsur Agama: Ke mana Arah Kita (1979/80), dan esei Mengesan Kreativiti Sastera Mutakhir (1981/82). Beliau juga pernah menerima Pingat Bakti Masyarakat, Pingat Bakti Setia dan Pingat Setiakawan (kumpulan akar umbi Tampines West)